

Penerapan Rutin Berfikir Dalam Pembelajaran Interaksi Lisan Melalui Lakonan Dan Teknik Drama

Aniza Samat

aniza_samat@schools.gov.sg

Naelah Nor Othman

naelah_nor_othman@schools.gov.sg

CHIJ Our Lady Queen of Peace

Abstrak

Murid-murid didapati cenderung berfikir dan bertutur dalam bahasa Inggeris. Ini menghambat kebolehan mereka untuk menyampaikan idea dan memberikan pendapat secara spontan mengenai sesuatu topik dalam bahasa Melayu. Mereka juga menghadapi kesukaran untuk mengembangkan idea mereka. Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan keupayaan murid untuk mengupas dan mengembangkan idea serta menyampaikan respons secara spontan. Melalui rutin berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu', murid-murid dilatih untuk menginterpretasikan situasi yang terdapat dalam video dengan memberikan sebab mengapa sesuatu perkara itu berlaku. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui penggunaan rutin berfikir 'Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu', murid-murid dapat berfikir dengan lebih mendalam dan berupaya mengembangkan idea dengan memberikan sebab yang munasabah.

Kata Kunci: rutin berfikir, Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu, interaksi lisan

PENGENALAN

Penggunaan klip video sebagai bahan rangsangan dalam komponen lisan mula diperkenalkan dalam Peperiksaan Bahasa Melayu Peringkat PSLE pada tahun 2017.

Menurut objektif penilaian lisan yang telah ditetapkan, murid-murid akan dinilai berdasarkan kebolehan mereka untuk (a) menerangkan atau mentafsir idea utama dengan jelas berdasarkan rangsangan (misalnya, klip video atau topik) dan memberikan pendapat secara koheren dan sesuai apabila berinteraksi dengan pemeriksa; dan (b) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

Namun, dengan berlakunya perubahan dalam format peperiksaan lisan, guru harus mengubah suai PdP mereka bagi pelajaran lisan. Murid-murid juga harus dipersiapkan untuk menghadapi perubahan dalam bentuk rangsangan bagi perbualan lisan kerana mereka sudah terbiasa dengan rangsangan yang berbentuk gambar sejak Darjah 1 lagi. Kini, murid-murid Darjah 5 dan 6 menghadapi cabaran bukan sahaja untuk menerangkan tentang perkara-perkara yang telah mereka tonton dalam klip video yang disediakan dengan lancar dan jelas malah mereka juga harus memberikan respons yang baik beserta pengembangan isi perbualannya sekali. Tuntutan ini merupakan sesuatu yang sukar untuk dicapai jika dilihat pada profil murid-murid yang mengambil bahasa Melayu sekarang.

Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai strategi telah dikenal pasti untuk membantu murid-murid mencapai objektif penilaian lisan. Satu daripada strategi yang telah dikenal pasti itu adalah menggunakan rutin berfikir, khususnya Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? Selain itu, aktiviti berlakon dan merakamkan klip video diharapkan dapat membantu murid-murid meningkatkan minat dan kemahiran interaksi lisan mereka.



PERNYATAAN MASALAH

Markah bagi Bahagian Perbualan Berdasarkan Rangsangan Video merupakan 30 markah daripada markah keseluruhan komponen ujian lisan. Markah yang diperuntukkan itu jelas menunjukkan betapa pentingnya komponen ini. Namun, apa yang membimbangkan ialah penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan merupakan satu masalah yang dihadapi ramai murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Murid-murid didapati kurang pendedahan terhadap bahasa Melayu. Antara perkara yang menyumbangkan kepada masalah ini adalah ramai murid yang kurang membaca buku bahasa Melayu. Murid kurang berbual dengan rakan-rakan menggunakan bahasa Melayu kecuali semasa pelajaran Bahasa Ibunda. Murid juga didapati kurang menonton rancangan televisyen bahasa Melayu. Akibatnya, murid kurang berkeyakinan menggunakan bahasa Melayu. Kerap kali juga bahasa Melayu yang murid gunakan merupakan bahasa pertuturan dalam situasi yang tidak rasmi dan bukanlah struktur bahasa Melayu baku atau standard.

Data kelakonan murid-murid dalam bahagian Perbualan Berdasarkan Rangsangan Video pada Peperiksaan Pertengahan Tahun menunjukkan bahawa murid-murid lemah dalam komponen ini. Apabila murid-murid menjawab soalan yang diajukan oleh pemeriksa, mereka tidak mampu mengembangkan isi serta memberikan contoh-contoh yang relevan. Murid-murid terutamanya menghadapi masalah untuk menjawab soalan berkaitan dengan pengalaman peribadi yang berkaitan dengan aktiviti/tema yang terdapat dalam klip video rangsangan yang disediakan dan soalan yang membincangkan tema video dari sudut masyarakat, negara dan global.

Justeru itu, guru-guru telah menjalankan kajian ini untuk cuba menangani dan membantu murid untuk meningkatkan kemahiran lisan mereka dan seterusnya membantu mereka untuk bertutur dengan yakin dan lancar dalam perbualan lisan berasaskan video.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam meningkatkan keupayaan murid untuk mengupas dan mengembangkan idea lalu menyampaikan respons secara spontan; dan
2. meneliti keberkesanan aktiviti lakonan untuk meningkatkan kebolehan murid berfikir secara kritis dan kreatif untuk melakukan interpretasi situasi dengan memberi sebab melalui rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu.

KAJIAN LEPAS

Menurut Ron Ritchhart dan David Perkins (2005) dalam Projek Zero, rutin berfikir ialah satu strategi yang mampu membolehkan pelajar berfikir dengan lebih kritis dan kreatif. Penggunaan rutin berfikir mampu menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam kelas.

Ritchart R., Church M. dan Morrison K (2011) dalam *Making Thinking Visible* atau Menjadikan Pemikiran Jelas berpendapat, rutin berfikir ialah satu alat pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk membina kemahiran berfikir secara sistematik dan berstruktur.

Salmon, A. K (2016) menyatakan apabila guru-guru mengetahui bagaimana murid-murid berfikir, mereka dapat berkomunikasi dengan murid-murid dengan lebih berkesan dan dapat menyediakan perancah yang sesuai supaya murid-murid dapat mencapai tahap pemikiran yang lebih tinggi.

Berdasarkan hujah-hujah yang disebutkan di atas, guru-guru bahasa Melayu CHIJ OLQP telah sebulat suara untuk memilih rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu untuk mencabar dan merangsang murid-murid mengembangkan isi perbualan ketika bertutur dalam pelajaran lisan. Diharapkan dengan penerapan rutin berfikir yang dipilih, murid dibantu dan disokong untuk menyampaikan isi perbualan mereka dengan lebih tersusun



dan mendalam semasa berinteraksi dengan guru atau guru pemeriksa semasa menduduki peperiksaan lisan berasaskan rangsangan video.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi mengumpulkan data. Data yang diperoleh melalui dua kaedah ini saling melengkapkan dan dapat menyokong dapatan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran (AP)	Aktiviti Mengajar (AM)
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada</p> <p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> <p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p> <p>AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran</p>	<p>AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi:<i>Think-Pair-Share</i></p> <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara</p> <p>AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi</p> <p>AM4: Menjana Soalan</p>
Penilaian dan Maklum Balas	<p>AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas</p> <p>AP24: Menyediakan Tugas yang Bermakna</p>	<p>AM4: Kongsi Pembelajaran Saya</p> <p>AM3: Latihan untuk Menguasai</p> <p>AM4: Pilihan Awak</p>
Penerangan dan Justifikasi	Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) yang dipilih adalah bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu untuk meningkatkan keupayaan murid untuk mengupas dan mengembangkan idea serta menyampaikan respons secara spontan. Pengetahuan sedia ada murid-murid tentang 52 nilai-nilai murni berdasarkan program sekolah (<i>school-based programme</i>) iaitu <i>The Virtues Project</i> juga amat membantu semasa perbincangan dijalankan di dalam kelas. Murid-murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan tersebut kerana sudah pun terdedah kepada nilai-nilai murni tersebut.	

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 13 orang murid Darjah 5 tahun 2019 daripada kemahiran pelbagai aras kebolehan. Hampir kesemua murid yang terlibat dalam kajian ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Murid-murid ini juga lebih cenderung berfikir dalam bahasa Inggeris sebelum bertutur dan menjawab dalam bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, instrumen kajian yang digunakan merangkumi kaedah pengumpulan data analisis kualitatif berdasarkan markah komponen ujian lisan; Perbualan Berdasarkan Rangsangan Video pada Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Akhir Tahun 2019. Markah murid dan catatan pemeriksa lisan bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019 digunakan sebagai data prakajian. Data pascakajian pula diperolehi daripada markah murid dan catatan pemeriksa bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2019. Perbandingan pencapaian murid bagi komponen lisan dilakukan oleh guru untuk meninjau kemajuan murid. Selain itu, guru juga memantau pencapaian murid dalam Peperiksaan Preliminari 2020 untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dijalankan ini.

Prosedur Kajian

Dalam proses pembelajaran yang dilalui oleh murid, mereka telah diminta untuk menghasilkan klip video berdasarkan satu daripada nilai murni yang tersenarai dalam poster Sifat-Sifat Murni: Anugerah Dalaman: *Virtues: The Gifts Within (The Virtues Project)*. Sila rujuk Rajah 1.



Rajah 1: Sifat-Sifat Murni - Anugerah Dalam



Seterusnya, guru melaksanakan aktiviti yang memerlukan murid memberikan respons terhadap klip video yang dibina oleh kumpulan murid yang berbeza. Templat rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu diberikan kepada murid-murid untuk mereka mencatatkan respons masing-masing setelah menonton klip video yang dihasilkan oleh setiap kumpulan. Sila lihat Rajah 2 di bawah ini.

Rajah 2: Templat Rutin Berfikir

Arahan: Beri pandangan kamu tentang satu perkara yang kamu lihat dalam video ini. Kemudian, berikan sebab mengapa kamu berpandangan sedemikian.

Apakah yang berlaku?



Mengapakah awak kata begitu? Jelaskan.



Teknik drama Kerusi Panas atau *Hot Seating* juga digunakan untuk membantu murid meraih pengalaman atau mendapatkan respons secara langsung daripada seorang watak utama dalam klip video yang dibina oleh

murid bagi setiap kumpulan. Menerusi aktiviti Kerusi Panas atau *Hot Seating* ini, murid dirangsang untuk bertanyakan soalan dan berinteraksi dengan seorang watak dalam klip video yang dibina oleh kumpulan lain. Murid berasa seronok dan terlibat aktif dalam pembelajaran dengan bertanyakan pelbagai soalan kepada watak utama yang terdapat dalam klip video yang mereka tonton.

Kajian ini telah dijalankan pada Penggal 3 dalam waktu kurikulum Bahasa Melayu. Masa sejam diperuntukkan untuk setiap pengajaran. Pengajaran telah dijalankan di dalam bilik darjah kecuali semasa rakaman dibuat untuk menghasilkan klip video. Berikut merupakan langkah-langkah pengajaran yang telah dilaksanakan. Proses pembelajaran murid dilaksanakan secara berstruktur. Murid melalui 6 pengajaran yang disusun seperti yang terdapat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pembelajaran Interaksi Lisan Yang Dilalui Murid

Pelajaran 1 – Murid diperkenalkan dengan rutin berfikir	
AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi (Think-Pair-Share)
<ul style="list-style-type: none"> • Dalam Pelajaran 1, guru mengenalkan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? Melalui rutin berfikir ini, murid-murid akan diajar cara menginterpretasi situasi dengan memberi sebab. Dua soalan panduan akan diberi iaitu: <ol style="list-style-type: none"> a. Apakah yang berlaku? b. Apakah yang awak lihat sehingga awak berkata begitu? Jelaskan mengapa. 	
Pelajaran 2 – Perbincangan tentang nilai-nilai murni dan membina senario	
AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara
AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi
<ul style="list-style-type: none"> • Guru mencungkil pengetahuan sedia ada murid-murid tentang nilai-nilai murni dalam Pelajaran 2 ini. Sesi ini bertujuan untuk melihat sama ada murid-murid tahu membezakan ciri-ciri bagi sesuatu nilai murni itu. • Kemudian, murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada 3 - 4 orang. Guru memberikan penerangan tentang apa yang harus dilakukan. Setiap kumpulan akan diberikan satu daripada nilai murni yang telah dibincangkan itu. Nilai murni yang diberikan itu harus dirahsiakan daripada kumpulan lain. Murid-murid dikehendaki 	



<p>memikirkan beberapa senario yang dapat menunjukkan penggunaan nilai murni tersebut. Guru menyemak draf bagi senario-senario yang telah dilakarkan oleh setiap kumpulan. Senario yang paling sesuai dan dapat menggambarkan nilai murni yang diberikan itu akan dipilih. Guru memberi saranan untuk memperbaiki atau mengembangkan senario yang telah dilakarkan itu jika perlu. Murid-murid akan berbincang bersama ahli kumpulan perihal perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> pelakon bagi watak-watak dalam cerita (setiap ahli kumpulan harus mengambil bahagian) props yang diperlukan dalam lakonan cara-cara untuk menyampaikan nilai murni tersebut hanya menerusi perbuatan dan mimik muka (lakonan bisu) 	
<p>Pelajaran 3 – Murid berlakon dan lakonan dirakam</p>	
<p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p>	<p>AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi</p>
<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid berlatih sebelum rakaman dibuat. Rakaman bagi video akan dilakukan di lokasi yang berbeza. Rakaman akan dibuat oleh guru atau guru pembantu dengan menggunakan telefon bimbit. 	
<p>Pelajaran 4 – Menonton video, penerangan tentang video yang ditonton dan bertanyakan soalan</p>	
<p>AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar</p>	<p>AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi</p>
<p>AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran</p>	<p>AM4: Menjana Soalan</p>
<ul style="list-style-type: none"> Murid-murid menonton video yang telah dihasilkan satu persatu. Setelah menonton video, murid-murid dikehendaki untuk: <ol style="list-style-type: none"> mengenal pasti nilai murni yang ditunjukkan melalui lakonan di dalam video tersebut. menerangkan perkara-perkara yang berlaku di dalam video tersebut dan sebab mereka berkata begitu. Kemudian, guru akan memanggil seorang watak daripada video tersebut untuk duduk di 'kerusi panas' <i>hot seating</i> untuk diwawancara oleh rakan-rakan sekelasnya dan menyampaikan sudut pandangannya. Guru juga akan mengemukakan soalan berikut kepada murid-murid yang lain: <ol style="list-style-type: none"> Jika kamu merupakan watak dalam video tersebut, adakah kamu akan melakukan perkara yang sama? Jika ya, mengapa dan jika tidak, mengapa? Terangkan apa yang akan mereka lakukan. Murid-murid digalakkan untuk menambah nilai respons rakan. 	
<p>Pelajaran 5 – Penilaian dan Maklum Balas</p>	
<p>AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas</p>	<p>AM4: Kongsi Pembelajaran Saya</p>

- Guru memberi maklum balas berbentuk komen tentang lakonan murid-murid dalam video tersebut dan respons rakan-rakan mereka berdasarkan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? Ini sejajar dengan fahaman Amalan Pengajaran Singapura (STP) di mana penilaian akan lebih berkesan jika murid-murid mendapat maklum balas kualitatif yang khusus, relevan dan tepat pada masanya.
- Selain itu, murid-murid juga berkongsi pengalaman pembelajaran mereka melalui borang refleksi/maklum balas

Pelajaran 6 – Penilaian dan Maklum Balas

AP24:

Menyediakan Tugasan yang Bermakna

AM3:

Latihan untuk Menguasai

AM4:


Pilihan Awak

- Sebagai aktiviti pengukuhan, murid-murid diminta untuk mencari video iklan nilai-nilai murni, iklan motivasi atau cerita pendek melalui Youtube. Secara bergilir-gilir, murid-murid akan menunjukkan video itu kepada rakan-rakan mereka. Sebelum menunjukkan video itu, murid-murid dikehendaki untuk menerangkan situasi yang dilihat dalam video itu termasuk nilai murni yang dikenal pasti dalam video tersebut dan sebab dia berpendapat sedemikian.
- Murid-murid harus menggunakan rutin berfikir yang telah mereka pelajari itu. Setelah sesi ini, barulah video tersebut akan ditunjukkan. Guru akan membimbing murid-murid untuk mengenal pasti sama ada terdapat nilai murni yang lain selain daripada apa yang dibentangkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data-data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif. Sila rujuk Rajah 3 untuk perinciannya.

Rajah 3: Perbandingan Markah Komponen Perbualan Berdasarkan Rangsangan Video Bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019, Peperiksaan Akhir Tahun 2019 Dan Peperiksaan Preliminari 2020



Markah yang diperoleh murid semasa Peperiksaan Pertengahan Tahun 2019 dibandingkan dengan markah yang diperoleh semasa Peperiksaan Akhir Tahun, 2019 setelah murid-murid didedahkan pada rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? Guru-guru mendapati 84.6% murid telah menunjukkan kemajuan kecuali dua orang murid sahaja. Seorang daripada murid tersebut telah pun mendapat markah yang tinggi pada kedua-dua peperiksaan itu sementara seorang lagi merupakan murid yang pemalu yang jarang bertanya atau mengemukakan pendapat semasa di dalam kelas.

Untuk Peperiksaan Preliminari 2020 pula, 69.2% murid mendapat markah yang lebih tinggi daripada markah yang diperoleh sebelum kajian dijalankan. Antara sebab-sebab berlakunya kemerosotan dari segi markah yang diperoleh adalah kerana sewaktu tempoh pemutus rantaian jangkitan COVID-19 dari bulan April hingga Jun, murid-murid tidak terdedah pada latihan lisan atau berpeluang bertutur dalam Bahasa Melayu. Secara langsung, ini telah menjejaskan kelakonan mereka semasa Peperiksaan Preliminari.

Berdasarkan dapatan kuantitatif seperti yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu dapat membantu murid-murid memahami dan menghargai perspektif yang berbeza. Rutin berfikir ini juga membimbing murid-murid untuk memberikan jawapan dengan memberikan sebab-sebab yang munasabah. Murid-murid berupaya mengemukakan soalan-soalan berdasarkan bahan-bahan rangsangan video lakonan rakan-rakan mereka. Murid-murid juga dapat memberikan sebab dan akibat sesuatu itu berlaku dengan spontan tanpa rangsangan daripada guru. Maklum balas yang diberikan oleh murid-murid yang terlibat juga telah menyokong dapatan daripada kajian ini. Sila lihat Jadual 3.

Jadual 3: Maklum Balas Murid Mengenai Kaedah Pengajaran

Soalan:

Apakah faedah yang kamu peroleh dengan menghasilkan video secara berkumpulan dan menjawab soalan-soalan dengan menggunakan rutin berfikir Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu?

	Respons yang diberikan dalam borang maklum balas
Murid 1	Saya dapat menghasilkan jawapan yang berbeza daripada yang biasa dan lebih unik untuk soalan lisan yang ditanya.
Murid 2	Aktiviti ini seronok kerana saya dapat berlakon bersama rakan-rakan saya dan selepas itu menjawab soalan yang ditanya tentang video yang dihasilkan itu.
Murid 3	Saya dapat melihat perspektif rakan-rakan dan dengan membuat demikian dapat mempelajari cara-cara yang berbeza untuk menjawab soalan lisan itu.
Murid 4	Melalui aktiviti tersebut, saya dapat berfikir secara lebih mendalam lagi dan bercakap tentang / menerangkan sesuatu dengan lebih lanjut.
Murid 5	Saya juga mempelajari bahawa setiap peristiwa / kejadian ada pengajaran dan nilai murni yang boleh dititikberatkan dalam sanubari kita.
Murid 6	Aktiviti tersebut membolehkan saya untuk berlatih untuk peperiksaan lisan. Selain itu, saya dan rakan-rakan saya dapat berseorok apabila kami berlakon bersama-sama.
Murid 7	Saya berasa lebih yakin dalam diri saya dan rasa lebih terdorong untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan kosa kata yang luas.
Murid 8	Semasa menghasilkan video, saya menjadi lebih konfiden dan saya pelajari apa yang harus saya lakukan untuk projek-projek lain yang akan datang.
Murid 9	Dengan membuat aktiviti melakonkan senario-senario yang menunjukkan nilai-nilai murni, kami dapat menggunakan kreativiti kami untuk berfikir tentang senario-senario tersebut.
Murid 10	Kami dapat belajar dengan cara yang seronok untuk membaiki lisan kami kerana dapat berkongsi fikiran kami tentang senario tersebut dengan satu sama lain.
Murid 11	Aktiviti ini dapat mengembangkan kreativiti saya apabila sedang berfikir tentang apa untuk dilakukan di dalam lakonan itu.
Murid 12	Aktiviti ini dapat memperbaiki lisan kami dengan cara yang lebih seronok.
Murid 13	Semasa membuat video itu, saya rasa sangat teruja kerana saya suka untuk berlakon. Pengalaman itu tidak dapat saya lupakan. Saya sangat bangga dengan produk akhir video itu. Saya harap video yang telah dihasilkan itu dapat membantu rakan-rakan saya.

Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh murid, jelas menunjukkan bahawa mereka berasa seronok melaksanakan aktiviti pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan oleh guru. Murid mendapati bahawa



aktiviti pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan membantu mereka meningkatkan keupayaan mereka berbual dan menyampaikan pendapat dengan lebih baik lagi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, guru mendapati kajian ini berjaya mengatasi masalah murid yang menghadapi kesukaran untuk memberikan pendapat dan mengembangkan idea dalam pengajaran lisan.

Kajian ini telah mendorong guru-guru di Sekolah Rendah CHIJ Our Lady Queen of Peace untuk menghasilkan pakej lisan yang akan diperkenalkan kepada murid-murid semasa mereka berada di peringkat Darjah 3 lagi. Guru-guru bersependapat bahawa untuk menambahbaik pengajaran lisan dan memastikan murid-murid berupaya berbual dengan baik, rutin berfikir harus diterapkan dengan lebih awal bukan hanya diperkenalkan semasa murid berada di peringkat Darjah 6.

Rutin berfikir *See-Think-Wonder* ataupun Lihat-Fikir-Tanya boleh diperkenalkan semasa murid-murid berada di peringkat Darjah 3 dan 4 supaya mereka dapat mengaplikasikannya dalam pembelajaran lisan.

Apabila murid-murid berada dalam Darjah 5, mereka akan diperkenalkan satu lagi rutin berfikir iaitu Apa Yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu dalam pembelajaran lisan. Murid-murid boleh mengaplikasikan kedua rutin berfikir ini ketika menjawab soalan lisan. Secara tidak langsung, murid akan senantiasa berfikir secara aktif, kritis dan kreatif dalam interaksi lisan.

Pada peringkat Darjah 6 diharapkan murid-murid telah pun terbiasa dan akan menjadi lebih mahir untuk mengaplikasikan kedua-dua rutin berfikir ini semasa menjawab soalan lisan.

Kajian ini memberikan peluang kepada guru untuk bertukar-tukar pendapat dan menyemak semula kaedah pengajaran lisan yang diajar kepada murid-murid. Kajian ini mewujudkan budaya kolaboratif untuk guru terus



menilai dan memperbaiki pengajaran bagi meningkatkan pembelajaran murid-murid.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Zakiah Zainol Abidin Marican
2. Surizah Satoo

RUJUKAN

Brookhart, Susan M. (2008). *How to give effective feedback to your students*. Virginia: ASCD

Hildebrand, M. F. Visible Thinking Routines: Creating a classroom culture of thinking. Marcia F. Hildebrand & Helen S. Simpson Holland Public Schools. *Special Education*, 23, 4.

Malay Language Teaching & Learning Syllabus Primary One to Six (2015). Retrived from <https://www.moe.gov.sg/docs/default-source/document/education/syllabuses/mother-tongue-languages/files/malay-primary-2015.pdf>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Menjadikan Pemikiran Jelas*, Singapura: Oxford Printers Pte. Ltd

Ritchart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making Thinking Visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass

Salmon, A. K. (2016). *How Visible Thinking Enhances Children's Learning*.

Exchange, 15-18. Retrieved from <https://www.childcareexchange.com/article/how-visible-thinking-enhances-childrenslearning/5023215/>

